


LAPORAN ANALISIS KEMAHIRAN BERFIKIR DAN ICT DALAM PEMBELAJARAN

Kemahiran berfikir dan ICT dalam pembelajaran merupakan elemen yang penting dalam dunia pendidikan. Hal ini kerana dunia pada hari ini sangat bergantung kepada internet. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta keinginan Kementerian Pendidikan untuk mentransformasikan pendidikan Malaysia maka kemahiran berfikir dan ICT harus dikuasai serta difahami kepentingannya.


Kajian ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A menyentuh mengenai maklumat diri seperti jantina, tahun pengajian dan program pengajian. Manakala bahagian B pula adalah mengenai tajuk serta fokus kajian iaitu kemahiran berfikir dan ICT dalam pembelajaran. Antara elemen yang disediakan dalam soal selidik tersebut adalah tentang pendapat mengenai kepentingan kemahiran berfikir serta penguasaannya. Selain itu, kajian ini juga menfokuskan kepada faedah kemahiran berfikir dan ICT terhadap dunia pendidikan terutamanya, selain dari diri, masyarakat dan Negara. Kajian ini juga dapat melihat samaada pelajar menguasai bidang ICT serta pendapat mereka mengenai pendekatan ICT.

1. Adakah anda menguasai kemahiran berfikir dan ICT?




Seterusnya mengenai hasil kajian kemahiran berfikir dan ICT dalam bahagian B iaitu kemahiran berfikir dan ICT. Soalan pertama soal selidik ini ialah ‘ adakah anda menguasai kemahiran berfikir dan ICT? ‘. Berdasarkan analisa yang dilakukan, terdapat 83% pelajar menguasai kemahiran berfikir dan ICT. Manakala selebihnya iaitu 17% pula tidak menguasai. Peratusan pelajar 83% pelajar menguasai kemahiran berfikir dan ICT adalah disebabkan kerana peredaran masa yang sangat mementingkan penggunaan internet serta kemahiran berfikir yang tinggi. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta sesuai dengan hasrat kerajaan mentranformasi pendidikan Negara.

2. Adakah kemahiran berfikir merupakan suatu kemahiran yang penting kepada setiap individu ?




Selain itu, soalan 2 pula iaitu ‘ adakah kemahiran berfikir merupakan suatu kemahiran yang penting kepada setiap individu ? ‘. Berdasarkan analisa, terdapat sebanyak 100% pelajar bersetuju bahawa kemahiran berfikir itu sangat penting kepada setiap individu. Hal ini kerana kemahiran berfikir akan membantu setiap individu untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran serta kehidupan. Konsep kemahiran berfikir seperti aras tinggi (HOTS) ini akan meningkatkan lagi daya pemikiran seseorang menginterpretasi data serta mengolah sesuatu idea menjadi huraian yang lebih baik. Kemahiran berfikir juga penting kerana dunia hari ini terdedah dengan maklumat yang pelbagai. Melalui kemahiran berfikir, pelajar dapat membezakan maklumat yang sah dan penting serta membandingkan dengan maklumat yang tidak sah.

3. Adakah anda menguasai kemahiran ICT ?




Di samping itu, soalan 3 pula tentang ‘ adakah anda menguasai kemahiran ICT ‘. Berdasarkan analisa, sebanyak 87% pelajar telah menguasai kemahiran ICT manakala terdapat pula 13% yang masih belum menguasai. Walaupun pelajar mengetahui akan kepentingan kemahiran ICT, terdapat juga yang masih belum menguasainya. Hal ini berkemungkinan mereka masih baru dalam penggunaan ICT. Manakala pelajar yang telah menguasai kemahiran ICT ini pula telah mendapat pendedahan awal serta mengikut peredaran masa dan berpendapat kemahiran ICT sangat penting dalam dunia pendidikan. Hal ini kerana penggunaan ICT akan memudahkan p&p serta proses pendidikan yang lain.

4. Adakah kemahiran berfikir dan ICT dapat diajar oleh seseorang guru di sekolah?



Bagi soalan ke-4, 91% setuju dan berpendapat bahawa kemahiran berfikir dan ICT dapat diajar oleh seseorang guru di sekolah manakala 9% mengatakan tidak. Kebanyakan pelajar bersetuju dan mengatakan 'ya' mungkin kerana mereka berpendapat bahawa dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti internet, komputer dan alat bantu mengajar yang lain, tiada masalah bagi guru-guru untuk memberi tunjuk ajar kepada murid-murid tentang kemahiran berfikir dan cara-cara menggunakan dan mengaplikasikan penggunaan ICT. Oleh itu, para guru perlulah mempunyai kemahiran dan bijak menggunakan komputer dalam P&P masing-masing bagi menarik perhatian serta minat pelajar semasa mendalami ilmu. Ia juga mampu mengelakkan rasa bosan timbul dalam kalangan pelajar berikutan cara dan gaya pengajaran yang biasa yang begitu statik.


5. Apakah yang dapat dikaitkan kemahiran berfikir dengan ICT ?



- Kemahiran berfikir dan ICT adalah dua perkara yang berbeza
- Penggunaan komputer boleh membawa kepada kemahiran pemprosesan yang lebih baik
- Aplikasi kemahiran berfikir dengan penggunaan ICT mendatangkan keputusan kerja yang bertaraf tinggi.


Bagi soalan ke-5 pula, soalnya ialah 'apakah yang dapat dikaitkan kemahiran berfikir dengan ICT ? '. Keputusannya, 57% mengatakan bahawa aplikasi kemahiran berfikir dengan ICT mendatangkan keputusan kerja yang bertaraf tinggi. Manakala 26% mengatakan penggunaan komputer boleh membawa kepada kemahiran pemprosesan yang lebih baik. Kemudian, 22% pelajar mengatakan menjawab kemahiran berfikir dan ICT adalah dua perkara yang berbeza. Di sini kita dapat simpulkan bahawa dengan mengaplikasikan kemahiran berfikir dan penggunaan ICT dengan efektif, maka kerja yang dilakukan akan mendatangkan hasil kerja yang bertaraf tinggi. Hal ini demikian kerana terdapatnya teknologi-teknologi yang canggih dalam penggunaan ICT selari dengan arus pemodenan yang semakin berkembang akan menjadikan sesuatu kerja itu lebih efisien.

6. Adakah pendekatan ICT dapat membantu strategi pengajaran dalam meningkatkan taraf pemikiran seseorang individu?



Pada soalan 6, 23 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan, iaitu 100% yang melibatkan diri dalam soal selidik ini mengatakan bahawa pendekatan ICT dapat membantu strategi pengajaran dalam peningkatan taraf pemikiran seseorang individu. Hal ini demikian kerana penggunaan ICT sangat berguna sebagai bahan pembantu ajar dan ini banyak menggalak dan membawa kemahiran berfikir seseorang individu ke tahap yang lebih tinggi. Contohnya kursus Komputer dalam Pendidikan merupakan satu kursus yang dipelajari oleh pelajar universiti. Pelajar diminta belajar kemahiran ICT dan pada masa yang sama, mereka perlu melaksanakan tugas dengan mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pelaksanaan tugas mereka.

7. Pada pendapat anda, adakah masyarakat pada hari ini sudah mampu menggunakan teknologi maklumat untuk menguasai kemahiran berfikir dan ICT?



Bagi soalan 7, soalan bertanya adakah masyarakat kini sudah mampu menggunakan teknologi maklumat untuk menguasai kemahiran berfikir dan ICT. 19 orang daripada jumlah keseluruhan bersamaan 83% yang menjawab ya bahawa masyarakat kini telah mempunyai kemampuan dalam menggunakan teknologi maklumat untuk menguasai kemahiran berfikir dan ICT. Hal ini demikian kerana teknologi maklumat merupakan satu teknologi yang sangat penting pada masa kini dan dengan bantuan internet, rakyat boleh belajar pelbagai kemahiran yang mereka ingin belajar termasuklah kemahiran berfikir dan kemahiran ICT. Kemudian, 4 orang daripada jumlah keseluruhan bersamaan 17% yang menjawab tidak bahawa masyarakat kini belum berkemampuan dalam menggunakan teknologi maklumat untuk menguasai kemahiran berfikir dan ICT. Sebabnya masih ada tempat yang kekurangan infrastruktur seperti komputer dan internet di setempat dan hal ini mengakibatkan masih ada sesetengah orang tidak mampu menggunakan teknologi maklumat untuk menguasai berfikir dan kemahiran ICT.

Kesimpulannya, kemahiran berfikir dan ICT dalam pembelajaran membantu pelajar dalam menyiapkan tugas serta mempermudah proses pembelajaran pelajar. Pelajar harus menguasai kemahiran berfikir dan ICT agar mereka tidak ketinggalan dengan peredaran arus perdana yang semakin pesat membangun. Diharapkan kemajuan sistem

pendidikan negara akan dapat membantu melahirkan generasi muda yang mampu membawa pembaharuan kepada kemajuan negara dari segi ekonomi, perubatan, mahupun kesejateraan hidup penduduk.